



15 sekolah wilayah KEJORA terima set robokar

ABD Samad (tengah) menunjukkan set robokar.

Kota Tinggi: Sebanyak 15 sekolah di wilayah Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) menerima set robokar menerusi inisiatif projek kerjasama Program Kreativiti dan Inovasi Melalui Pengaturcaraan Liga Robotik iCARE UTM-KEJORA yang akan berlangsung akhir bulan depan.

Dekan Fakulti Komputeran UTM Prof Dr Abd Samad Ismail berkata, set robokar berkenaan adalah hasil kerja kumpulan penyelidik robotik dan pelajar UTM termasuk dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Pendidikan universiti itu sebagai inisiatif perkongsian serta peminda-

han ilmu kepada komuniti setempat.

"Sebanyak 15 sekolah termasuk Sekolah Menengah Agama Bandar Tenggara yang baru menyertai wilayah KEJORA menerima set robokar iaitu robot bercirikan sistem terbuka.

"Set tajaan KEJORA yang diserahkan oleh UTM ini membolehkan pelajar mencuba pelbagai komponen dan atur cara komputer bagi memupuk budaya kreatif dan inovasi," katanya di Taman Fertigasi KEJORA di Bandar Penawar di sini, semalam.

Turut diadakan perasmian

Universiti: Model Perkongsian Ilmu Melalui Projek Komuniti UTM-KEJORA.

Majlis itu turut dihadiri Pengurus Pembangunan Sosial dan Kemajuan Desa KEJORA, Sumini Mohd Lahir dan Ketua Program Pengaturcaraan Robotik UTM, Prof Madya Dr Dayang Norhayati Abang Jawawi.

Dr Abd Samad berkata, penyerahan set robokar berkenaan adalah bagi memulakan program latihan pengaturcaraan dan kreativiti kepada pelajar di sekolah berkenaan, sekali gus menjadi landasan kepada pembelajaran yang kondu-